

10 DEC 2000

Limo

PERKHIDMATAN LIMO KLIA PULIH KEMBALI

SEPANG, 10 Dis (Bernama) -- Perkhidmatan teksi Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) kembali seperti sedia kala hari ini selepas mogok selama tiga hari oleh lebih daripada 500 pemandu teksi Airport Limo (M) Sdn Bhd (ALM).

Kesemua pemandu itu yang melancarkan mogok sejak Khamis lepas kembali menjalankan tugas hari ini. Sebahagian pemandu menyambung semula perkhidmatan sejak 7 petang semalam.

Tinjauan di KLIA menunjukkan para penumpang menaiki teksi Airport Limo dan juga teksi-teksi bandaraya.

"Pihak pengurusan telah meminta kami kembali bertugas dan berjanji untuk menyelesaikan segala masalah, tetapi kami tidak berpuas hati walaupun bayaran ihsan RM100 yang diberikan itu. Kami hanya menurut apa yang kesatuan dan presiden MTUC Senator Zainal Rampak putuskan," kata seorang pemandu.

Beberapa lagi pemandu berkata mereka juga akan kembali bertugas, para pemandu sebenarnya membantu pengurusan untuk meneruskan perkhidmatan dan sebaliknya berharap ALM akan pertimbangkan permintaan mereka dan menjaga kebajikan mereka.

Semalam, selepas mesyuarat antara Kementerian Sumber Manusia, wakil ALM and pemandu, ALM bersetuju untuk membincangkan tuntutan pemandu-pemandu itu dan menawarkan wang ihsan sebanyak RM100 kepada setiap pemandu sebelum mereka mula bekerja.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mengulas tindakan mogok semalam berkata, mogok oleh para pemandu ALM bukanlah cara yang wajar untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi antara mereka dengan pengurusan syarikat.

Malah, Perdana Menteri berkata tindakan itu boleh mencemarkan imej negara dan juga imej KLIA yang menjadi pintu masuk utama rakyat asing ke negara ini.

Beratus-ratus pemandu teksi Airport Limo telah memulakan mogok sejak hari Khamis kerana mendakwa pihak pengurusan syarikat mengabaikan kebajikan mereka.

Salah seorang daripada pemandu memberi amaran mereka akan adakan mogok sekali lagi jika tuntutan mereka tidak dipenuhi dalam tempoh tiga minggu ini.

"Tidak ada penyelesaian hitam putih dalam mesyuarat semalam dan oleh itu jika masalah berkenaan tidak diselesaikan dalam tempoh yang diberikan kepada ALM (tiga minggu), akan berlaku satu lagi mogok, kata beliau lagi.

-- BERNAMA

SM AR PR